

A portrait of Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, a man with glasses, wearing a dark suit, white shirt, and red tie, is centered in the background. The background has a dark red gradient with diagonal lines.

Abstrak
**Perutusan 100 Hari Naib Canselor
dan Amanat 2024**

YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah

24 Januari 2024 (Rabu)
9:15 pagi-12:00 tengahari

Dewan Besar
Pusat Kebudayaan dan Kesenian
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah



Abstrak

**Perutusan 100 Hari Naib Canselor
dan Amanat 2024**

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2024
Cetakan Pertama 2024


Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Penerbit UPM adalah anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Rupa Taip: Archivo
Saiz Teks: 10/15

Konsep Reka Bentuk & Reka Letak
Jamak Aton Habi Mahmood

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-9769 8851/8429
Faks: 03-9769 3623
E-mel: penerbit@upm.edu.my
Laman web: <https://penerbit.upm.edu.my>



Pendekatan yang dibawa oleh **YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor** sejak hari pertama bertugas, adalah berasaskan lima prinsip utama bagi melonjakkan pencapaian UPM.





Setiap individu penyelidik perlu menyelaraskan dan **memfokuskan semula pernyataan masalah ke arah penyelesaian masalah sebenar dan bersifat membumi**





#WeLoveUPM

Kandungan

Misi/ Visi/ Matlamat Pendidikan/ Nilai Teras	6
Mukadimah	7
Teras 1: Perkhidmatan Melangkaui Jangkaan (Perkhidmatan dan Pengujian)	19
Teras 2: Penyelidikan Relevan dan Berimpak Tinggi (Penyelidikan dan Inovasi)	23
Teras 3: Pengukuhan Komuniti (Dihargai Komuniti)	25
Teras 4: Pengalaman Pembelajaran dan Kehidupan Terbaik (Akademik)	27
Teras 5: Pemerksaan Industri	29
Teras 6: Kesohoran Peringkat Global	31

Misi / Visi /
Matlamat Pendidikan / Nilai Teras

VISI

Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi
Antarabangsa

MISI

Memberi Sumbangan Bermakna
kepada Pembentukan Kemakmuran
dan Pembangunan Negara serta
Kesejahteraan Manusia Sejagat
Menerusi Penerokaan dan Penyebaran
Ilmu

MATLAMAT PENDIDIKAN

Melahirkan Graduan Bitara yang
Holistik, Ihsan, Patriotisme dan
Berdaya Tahan

NILAI TERAS

Ihsan, Kepelbagaian dan Kelestarian



Mukadimah

Dalam sejarah Islam terakam peristiwa “Penghijrahan Muhajirin dan Ansar yang diumpamakan harmoni dua nada yang saling melengkapi dalam sebuah simfoni kehidupan”. Justeru, penghijrahan sebagai jalur perjalanan yang menuntut fasa kesediaan dan kemungkinan. YBhg. Dato’ Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah telah berkhidmat hampir 28 tahun di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan telah diberi mandat oleh Menteri Pendidikan Tinggi bagi menggalas tanggungjawab sebagai Naib Canselor di Universiti Putra Malaysia (UPM).



Amanah yang diberikan kepada beliau menuntut satu penghijrahan besar, ibarat penghijrahan Muhajirin (yang melakukan hijrah) dan Ansar (yang menyambut penghijrahan). Ekspresi riak wajah dalam pelbagai reaksi dan situasi pada hari pertama bertugas sebagai Naib Canselor di tempat baharu, mencerminkan keseriusan beliau dalam melakukan penelitian tentang pelbagai perkara yang belum diketahui sepenuhnya. Namun, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor mengambil pendekatan berhemah dengan mengucapkan penghargaan terima kasih kepada warga UPM yang memberi sokongan dan dokongan kepada beliau dalam penghijrahan ini.

#WeLoveUPM


HIJRAH DARI USM KE UPM



MUHAJIRIN

ANSAR


TERIMA KASIH KERANA MENERIMA SAYA



Pendekatan yang dibawa oleh YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor sejak hari pertama bertugas, adalah berasaskan lima prinsip utama bagi melonjakkan pencapaian UPM.

- Pertama, keperluan untuk memberikan hala tuju yang jelas kepada seluruh warga UPM.
- Kedua, untuk menggerakkan sebuah universiti yang begitu gagah dan mempunyai sejarah serta legasi yang begitu lama iaitu lebih daripada 50 tahun. Namun, ia memerlukan perubahan yang dilaksanakan secara terancang dan berperingkat dengan mengambil kira tahap kompleksiti, risiko serta cabaran yang mendatang. Segala **perubahan yang dilakukan** tidak boleh berlaku dalam jangka masa yang singkat.

- Ketiga, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor menekankan tentang kepentingan melakukan sesuatu perkara berasaskan hasil. Ini perlu difahami dan dihayati oleh warga UPM kerana tanpa hasil, perkara yang dilakukan akan menjadi sia-sia. Kesibukan dan keghairahan bekerja tanpa mencapai hasil akan turut membantutkan pencapaian matlamat serta nilai terhadap aspek keterangkuman yang telah ditetapkan. Ini sebagaimana ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri agar sentiasa beriltizam untuk menggapai langit tetapi mengakar ke bumi.



BAGAIMANA?

PRINSIP

- ✓ HALA TUJU JELAS
- ✓ PERUBAHAN BERPERINGKAT DAN TERANCANG
- ✓ BERASASKAN HASIL
- ✓ NILAI DAN KETERANGKUMAN
- ✓ KEUPAYAAN MENCAPAI HASIL

BAGAIMANA?

- ✓ PERLU DIPERCAYAI DAN DIYAKINI
- ✓ PERLU JELAS HALA TUJU
- ✓ PERLU MENDAPATKAN KERJASAMA SEMUA



- Keempat, elemen nilai merupakan perkara penting yang perlu dihayati untuk diterap masuk dalam budaya kerja satu pasukan. Di samping itu, warga UPM sentiasa bermuamalat dengannya agar ia terus mengukuh seperti yang terpahat dalam slogan UPM umpamanya.
- Kelima, keupayaan mencapai hasil yang berupaya diserlahkan melalui pemerksaan potensi bakat di UPM merangkumi staf, alumni serta pelajar yang ada. Menerusi penglibatan jumlah yang besar ini, UPM sebenarnya mampu untuk mencapai hasil seperti yang dihasratkan.

Namun, sebagai pemimpin yang baharu berhijrah ke UPM, beliau sedar bahawa kepemimpinannya sebagai Naib Canselor perlu dipercayai dan diyakini terlebih dahulu. Tanggungjawab yang digalas, aspirasi yang dihasratkan serta matlamat yang ditetapkan oleh beliau untuk membawa UPM ke mercu kejayaan dilihat benar-benar ikhlas. Usaha untuk melaksanakan tuntutan dari segi DNA atau bidang tujahan UPM, dalam membawa misi dan visi serta untuk memberikan jawapan kepada kewujudan UPM dalam arena pendidikan tinggi negara dan global diserlahkan dalam kerangka pemetaan untuk direalisasikan.

Pendekatan atau terma *True North* diperkenalkan di UPM untuk menetapkan titik temu supaya semua warganya berada pada halaman yang sama, seia sekata, bergerak sebagai satu pasukan. Hal ini bagi memastikan warga dan semua pemegang taruh memahami ke manakah arah dan hala tuju yang ditetapkan. *True North* UPM merupakan visi untuk “menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa” dan misi untuk “memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kemakmuran dan pembangunan negara serta kesejahteraan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu”. Manakala nilai UPM ialah “Ihsan, Kepelbagaian, dan Kelestarian”.

Untuk melonjak lebih jauh ke hadapan, universiti akan melancarkan Visi UPM 2050 yang menggariskan hala tuju jangka panjang selain daripada hala tuju berperingkat iaitu lima tahun yang sedia ada. UPM juga tidak boleh lari daripada tuntutan DNA universiti untuk memperkasakan agenda pertanian negara yang mana agenda paling kritikal ketika ini adalah keterjaminan makanan. Setiap PTJ di UPM perlu mendefinisikan *True North* masing-masing yang bukan sahaja perlu diselarikan dengan *True North* universiti, malah turut menyokong agenda Kementerian Pendidikan Tinggi, pencapaian Malaysia Madani serta Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG).





Seluruh warga UPM perlu memahami bahawa visi dan misi merupakan perkara yang boleh diinterpretasikan bagi mengukur kedudukan UPM di persada antarabangsa. Oleh yang demikian, Pelan Strategik UPM (2021 – 2025) menggariskan matlamat dan objektif yang perlu dicapai. Ia perlu diperturunkan kepada warga UPM supaya setiap warganya memahami dan memainkan peranan berasaskan potensi dan tanggungjawab mereka masing-masing. Pencapaian visi dan misi hasil daripada pelan strategik yang diterjemahkan kepada aktiviti-aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh warga UPM inilah yang dimaksudkan dengan pendekatan atau terma *True North* UPM.

Kerangka Hala Tuju Strategik UPM adalah berbeza dengan pelan strategik. Hal ini kerana kerangka tersebut menekankan prinsip-prinsip asas dan teras yang diperlukan untuk

Tiga asas utama yang digariskan dalam **kerangka** ini ialah pencapaian **hasil, nilai** dan **inklusiviti**

menggerakkan seluruh semua warga universiti ke arah *True North* UPM. Tiga asas utama yang digariskan dalam kerangka ini ialah pencapaian hasil, nilai dan inklusiviti.

Semua aktiviti yang dijalankan hendaklah mencapai hasil yang ditetapkan, berasaskan nilai-nilai murni di samping membuka peluang yang sama kepada semua golongan atau kumpulan masyarakat untuk terlibat mahupun memperoleh manfaatnya.

KERANGKA HALA TUJU STRATEGIK UPM



Kerangka Hala Tuju Strategik UPM menggariskan enam teras iaitu:

Teras 1: Perkhidmatan Melangkaui Jangkaan (Perkhidmatan dan Pengujian)

Teras 2: Penyelidikan Relevan dan Berimpak Tinggi (Penyelidikan dan Inovasi)

Teras 3: Pengukuhan Komuniti (Dihargai Komuniti)

Teras 4: Pengalaman Pembelajaran dan Kehidupan Terbaik (Akademik)

Teras 5: Pemeriksaan Industri

Teras 6: Kesohoran Peringkat Global

KERANGKA STRATEGIK UPM



1

DNA UPM
 • Keterjaminan Makanan
 • Pertanian
 • Perbezaan Strategik Lain

2

• 5 Fokus Utama KPT Bagi Tahun 2024
 • Matlamat Pendidikan Tinggi
 • Aspirasi YBM

3

Matlamat Nasional Malaysia Madani

4

Matlamat Dunia
 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Visi semasa UPM dan kedudukan strategik (*the true north*) perlu untuk membimbing universiti.

Pencapaian Hasil, Berpaksikan Nilai dan Inklusif

Untuk mendapatkan hasil yang diinginkan, semua inisiatif mesti berasaskan hasil, nilai yang dipacu dan inklusif.

Pertingkatkan Kualiti Jangkaan (Perkhidmatan dan Pengajaran)	Pengaliran Riset dan Berimpak Tinggi (Pengaliran dan Inovasi)	Pengaliran Komuniti (Diorganisasi Komuniti)	Pengaliran Pemecahan dan Kecekapan Tertinggi (Akademi)	Pemeriksaan Inklusif	Kesejahteraan Persekitaran Global
--	---	---	--	----------------------	-----------------------------------

6 teras utama yang perlu bagi mendukung keseimbangan UPM. UPM mesti menjadi universiti pilihan dalam semua aspek. Ini akan memastikan bahawa semua orang di universiti boleh dan akan menyumbang.

Bakat Kompeten yang Memudahcara
Sumber Mampan/Kelestarian Sumber
Governan (Tata Kelola yang Memudahcara)
Data dan Kebijakan
Promosi dan Penjenamaan

5 asas yang penting untuk memastikan bahawa universiti terus berfungsi dan berkembang. Tanpa asas yang kukuh, rumah strategik UPM akan runtuh.

Kenam-enam teras ini disokong oleh lima asas iaitu: (i) bakat kompeten yang mudah cara; (ii) sumber mampan/kelestarian sumber; (iii) governan (tatakelola yang mudah cara); (iv) data dan kebijakan; dan (v) promosi penjenamaan. Lima asas ini penting bagi memastikan UPM terus berfungsi dan berkembang sebagai menara ilmu yang memberi impak demi kemaslahatan seagat.

Secara ringkas, visi merupakan kenyataan tentang sesuatu yang ingin dicapai pada masa hadapan dan misi pula adalah bagaimana untuk mencapainya. Kupasan yang lebih mendalam adalah perlu untuk memahami visi dan misi UPM.

Kita perlu menilai kedudukan UPM dalam mencapai visinya, sama ada telah mencapai tahap unggul, sentiasa menonjol dan menjadi tumpuan atau hanya merupakan pemain biasa (*mediocre*) di peringkat antarabangsa.

Bagi mencapai visi yang ditetapkan, misi UPM menyatakan bahawa universiti perlu memberi sumbangan yang bermakna. Misi ini hendaklah diterjemahkan dalam pekerjaan seharian warga UPM termasuk pelajar. Setiap individu di UPM perlu menyumbang ke arah penciptaan kemakmuran (*creation of prosperity*), pembangunan negara dan kesejahteraan seagat (manusia dan alam).

PERNYATAAN VISI DAN MISI UPM



VISI

MENJADI SEBUAH UNIVERSITI BERREPUTASI ANTARABANGSA

MISI

1. Memberi Sumbangan yang Bermakna

3. Pembangunan Negara

5. Melalui Penerokaan dan Penyebaran Ilmu Pengetahuan



2. Penciptaan Kemakmuran

4. Kesejahteraan Manusia

UPM juga mempunyai niat yang murni sebagai sebuah universiti yang mampu untuk memakmurkan rakyat. Bagi maksud ini seluruh warga UPM diseru agar merenung kembali, bermuhasabah dan menilai sejauh manakah UPM telah mencapai hasratnya. Bagi memenuhi keperluan pembangunan negara, tuntutan kepada UPM pastinya dengan menghasilkan pelajar yang berkualiti. Namun pada masa yang sama, UPM tidak boleh melupai amanah penting yang digalas untuk membangunkan agenda pertanian negara. Dalam konteks ini, UPM berperanan penting untuk memastikan kesejahteraan manusia dapat dikecapi secara maksimum merangkumi kesejahteraan persekitaran termasuk kesejahteraan haiwan, kesejahteraan flora dan kesejahteraan ekosistem dunia secara keseluruhannya.



ANTARA SLOGAN STRATEGIK TERBAHARU DAN PELAN STRATEGIK 2021-2025

Matlamat Pendidikan Institusi

Melahirkan Graduan Bitara
yang Holistik, Ihsan,
Patriotisme dan Berdaya
Tahan

Nilai

Ihsan, Kepelbagaian
dan
Kelestarian/Mampan

Slogan 1

Berilmu Berbakti

Moto

Slogan 2

Pertanian
Inovasi
Kehidupan

Pengiktirafan
Antarabangsa Bagi Kualiti
Pendidikan yang Tiada
Tara




Konsep
Al-Falah

Namun slogan
“**Berilmu Berbakti**”
iaitu **moto UPM**,
yang sering digunakan
memiliki **nilai** dan
wisdom untuk
memupuk semangat
bagi memberikan
sumbangan melalui ilmu
serta pengetahuan yang
diperolehi

Sebagai sebuah universiti penyelidikan dan pendidikan, tugas hakiki (*core business*) adalah melalui penerokaan dan penyebaran ilmu pengetahuan. Oleh itu, penggabungan misi ini secara keseluruhannya merangkumi setiap tatakelola dan pengabdian detik hidup kita di UPM ini, sumber rezeki yang diperolehi, amal jariah yang dilakukan, bersandarkan niat bahawa setiap yang dilakukan itu mempunyai impak bagi memperoleh keberkatan daripada-Nya. Justeru, seluruh warga UPM wajar membersihkan niat, membulatkan tekad bagi memasang hasrat untuk diterjemahkan dalam praktis kehidupan seharian mereka.

UPM begitu indah bukan sekadar pada namanya namun turut diserlahkan dengan begitu banyak penggunaan slogan-slogan strategi. Namun slogan “Berilmu Berbakti” iaitu moto UPM, yang sering digunakan memiliki nilai dan *wisdom* untuk memupuk semangat bagi memberikan sumbangan melalui ilmu serta pengetahuan yang diperolehi. Justeru, setiap individu di universiti ini berperanan untuk memberikan sumbangan dalam lingkungan masing-masing sama ada satu atau lebih teras yang dikenal pasti sebagai refleksi terhadap slogan “Berilmu Berbakti”.

#WeLoveUPM



Terdapat enam teras diperkenalkan untuk menyokong konsep pencapaian hasil, berpaksikan nilai dan inklusif iaitu:

1. Perkhidmatan Melangkaui Jangkaan (Perkhidmatan dan Pengujian)
2. Penyelidikan Relevan dan Berimpak Tinggi (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Pengukuhan Komuniti (Dihargai Komuniti)
4. Pengalaman Pembelajaran dan Kehidupan Terbaik (Akademik)
5. Pemeriksaan Industri
6. Kesohoran Peringkat Global





Mereka bukan sahaja berperanan dalam **memberikan perkhidmatan yang ditawarkan** tetapi mereka juga sebagai duta UPM yang turut memberikan sinar gemilang kepada UPM.



Teras yang pertama meletakkan perkhidmatan menjangkau jangkauan (*services exceeding the expectation*) yang melibatkan dua aspek utama iaitu perkhidmatan dalaman dan perkhidmatan luaran. Kedua-dua aspek ini penting kerana ia melibatkan setiap warga UPM yang memainkan peranan memberikan perkhidmatan dari setiap peringkat sama ada sebagai seorang ketua jabatan yang meluluskan sesuatu perkara ataupun sebagai pentadbir dan pelaksana.

Peranan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh warga UPM bersifat pelbagai dan rencam. Ada pihak yang menjalankan fungsian yang lebih besar seperti *the frontliners* yang bertindak di barisan hadapan yang terdedah dengan risiko. Walau apapun fungsi yang dimainkan, yang paling utama setiap warga UPM perlu memahami dan menginsafi akan peri pentingnya peranan setiap daripada mereka. Mereka bukan sahaja berperanan dalam memberikan perkhidmatan yang ditawarkan tetapi mereka juga sebagai duta UPM yang turut

memberikan sinar gemilang kepada UPM. Kegagalan dalam memainkan peranan, tiada tindakan atau tindakan yang perlahan dan mengambil masa yang terlalu lama untuk penyelesaian sesuatu masalah atau aduan tidak akan memenuhi ekspektasi pelanggan. Akibat daripada itu, universiti akan dianggap lembab dan tidak tangkas untuk bertindak bagi merungkai setiap isu yang timbul. Oleh yang demikian, setiap peringkat perlu ada jati diri, perlu ada set minda dan kesungguhan untuk melaksanakan, memudah cara proses dan sentiasa berusaha meningkatkan prestasi dalam setiap perkhidmatan yang diberikan. Sekiranya terdapat sesuatu entiti yang pincang dan tidak berfungsi dengan sebaiknya atau tidak menjalankan tugas termasuk pihak atasan, ia akan menjejaskan prestasi dan melambatkan keseluruhan proses.

Selanjutnya, perkhidmatan menjangkau jangkauan amat penting untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sesuatu proses agar tiada tanggapan negatif daripada pelajar, pelanggan dan pihak lain. Setiap peringkat sama ada pegawai mahupun kumpulan sokongan perlu memastikan tugas yang dipertanggungjawabkan berjalan dengan lancar, tangkas, tepat dan berkualiti. Dalam hal ini, gangguan atau kecurangan terhadap penggunaan gajet-gajet yang ada ketikanya menyebabkan kealpaan dan keculasan terhadap masa dan sekali gus menjejaskan mutu perkhidmatan mesti dikawal secara berhemah.



Dimensi yang kedua adalah perkhidmatan luaran. Sekiranya perkhidmatan dalaman telah mantap maka telah ada kesediaan untuk memberikan perkhidmatan di luar. Ini memberikan cabaran baharu kerana secara tidak langsung akan mendedahkan lebih banyak risiko di samping membuka ruang dan peluang yang memberikan lebih banyak sama ada positif atau pun negatif. Justeru, adalah sangat penting etika, pekerti dan kompetensi sentiasa dijaga dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat mencapai kualiti atau piawai yang diharapkan bagi memberi kepuasan hati pelanggan termasuk pelajar dan pemegang taruh.

Setiap entiti yang ada perlu memahami aspek perkhidmatan melangkaui jangkaan. Justeru, setiap tindakan perlu berhati-hati, cermat mengatur langkah dan hemah mengatur gerak. Hal ini perlu diberikan perhatian kerana ada ketikanya kesilapan yang dianggap kecil boleh diperbesar-besarkan sehingga menjadi bom jangka. Situasi sedemikian boleh memusnahkan atau merobohkan mahligai sesuatu institusi dalam sekelip mata berbanding usaha yang sekian lama telah dicurahkan untuk membangunkannya. Semoga Allah memelihara dan melindungi daripada sesuatu yang tidak diinginkan berlaku.





Ini adalah amanah yang mesti dipikul sama oleh setiap individu di dalam universiti termasuklah pelajar, atau pelanggan yang akan bertindak menjadi duta pemasaran universiti. Masing-masing perlu memainkan peranan masing-masing dan memahami setiap tindakan yang dibuat sama ada dengan niat untuk membantu membangunkan universiti atau menggagalkan universiti. Ia penting dalam memastikan pemposisian Universiti ini dibuat secara positif atau sebaliknya, serta dapat mengekalkan kesohoran reputasi Universiti.





Teras yang kedua menyatakan Penyelidikan Relevan dan Berimpak Tinggi. Ini amat penting, kerana dengan penyelidikan, UPM pasti akan ke hadapan. Pelaksanaan kerja penyelidikan perlu selari dengan *True North* UPM yang mengambil kira setiap keperluan dan penyelesaian masalah yang melibatkan manusia sejagat dan juga negara.



Setiap individu penyelidik perlu menyelaraskan dan memfokuskan semula pernyataan masalah ke arah penyelesaian masalah sebenar dan bersifat membumi. Universiti perlu memainkan peranan dalam memastikan penyelidikan yang dijalankan dapat memberikan impak kepada masyarakat dan negara, serta mendapat pengiktirafan di peringkat dunia. Seperti mana UPM yang telah memilih pertanian dan keterjaminan makanan sebagai intipati utama, maka setiap individu yang melaksanakan penyelidikan di UPM boleh mengaitkan kerja penyelidikan masing-masing kepada pertanian dan keterjaminan makanan berasaskan neraca timbang dan ruang lingkup bidang masing-masing.

Dalam memastikan kelancaran sama ada dalam penyelidikan, penerbitan, pelaporan dan sebagainya, setiap penyelidik perlu bertanggungjawab baik dari segi etika, kualiti, integriti dan profesionalisme. Cara pelaksanaan kerja juga penting yakni setiap individu perlu keluar daripada zon keselesaan bekerja iaitu dalam silo masing-masing. Bekerja secara kolaboratif sangat dituntut kerana ada masalah yang unik sifatnya memerlukan penglibatan daripada pelbagai pihak untuk memperoleh penyelesaiannya. Isu dan permasalahan tentang dunia misalnya, memerlukan sentuhan *multidisciplinary*

dan *transdisciplinary* secara bersama-sama dalam satu pasukan yang mantap. Selain itu, tatacara dan atur kerja yang sistematik perlu dijadikan budaya bagi memudahcarakan setiap keputusan yang dibuat secara kolektif.

Ini amat penting kepada sesebuah universiti yang ingin melonjakkan kehebatan dalam pelaksanaan penyelidikan yang berimpak tinggi. Hal ini akan diguna pakai dan menjadi rujukan oleh semua pihak yang berkaitan. Pihak Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) telah pun mengeluarkan kerangka tertentu dan akan dikongsikan bersama dengan pihak-pihak berkaitan bagi memacu aspek penyelidikan ke tahap yang tertinggi.





Komuniti penting dalam memastikan fungsian universiti berperanan. Oleh sebab itu, teras ketiga berpaksikan Pengukuhan Komuniti. Tanpa komuniti, universiti tidak dapat mengupayakan dan menyalurkan korpus ilmu dalam membawa kemakmuran, pembangunan negara, membantu kesejahteraan manusia, haiwan dan sebagainya.

Peranan universiti perlu bersifat lebih dinamik. Ungkapan “janganlah memberi ikan, sepatutnya memberi joran” yang dipetik oleh YBhg. Dato’ Profesor Naib Canselor bermaksud

bahawa universiti sepatutnya menawarkan kepakaran dan ilmu bagi membolehkan komuniti memanfaatkan terutamanya dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan. Melalui cara ini, komuniti akan menghasilkan sesuatu yang menggalakkan dan pertumbuhan ekonomi akan berkembang. Hasil usaha yang dijalankan oleh komuniti mampu merubah paradigma mereka berbanding dengan universiti yang memberikan hasil kepada komuniti. Dalam konteks ini, Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) dan Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat telah banyak

membantu melaksanakan tugas ini dengan cemerlang dan usaha berterusan dituntut bagi memperlihatkan kelestarian dapat diterjemah dalam bentuk amalan dan budaya.

Pada masa yang sama, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor turut mengingatkan agar UPM melihat kembali usaha yang dilakukan dengan komuniti benar-benar telah dilaksanakan sehingga disanjung komuniti ataupun sekadar memenuhi KPI universiti semata-mata. Hal ini menuntut kepada penilaian semula berasaskan pencapaian yang telah diperolehi pada masa ini.





Agenda teras keempat iaitu Pengalaman Pembelajaran dan Kehidupan Terbaik yang melibatkan para pelajar UPM sebagai pemegang taruh paling penting. Tanpa pelajar universiti tidak wujud dan kita tiada di sini. Namun, kesibukan dengan kerja-kerja yang melibatkan diri sendiri, menyebabkan pengabaian terhadap aspek pengalaman pembelajaran berlaku dan amat kritikal. Kita tidak boleh berkompromi dengan kualiti pengajaran dan perlu memastikan bahawa kualiti pembelajaran itu tercapai. Inilah *the ascent of Berilmu Berbakti*. UPM mengharapkan pegawai akademik memberikan pengalaman pembelajaran yang berimpak tinggi. Pengalaman ini bukan

sahaja akan menghasilkan graduan yang diraikan dalam majlis konvokesyen, tetapi lebih daripada itu melahirkan graduan yang memiliki kemampanan dan kemantapan daripada pelbagai aspek untuk menghadapi cabaran di luar yang lebih berdaya saing. Kita memiliki duta-duta yang beratus-ribu dalam pengertian alumni yang perlu digembleng dan dilibatsamakan dalam ekosistem menara ilmu ini. Terima kasih kepada Persatuan Alumni UPM, dan para alumni yang turut bersama dalam majlis ini sebagai suntikan semangat dalam mendokong aspirasi universiti yang kita dambakan bersama-sama.

Walaupun bagaimanapun, ada persoalan yang memerlukan untuk dicari jawapannya iaitu berkaitan dengan mengapa alumni di Malaysia tidak sama seperti alumni di luar negara. Justeru, dengan menggandingkan *learning and leaving* berbentuk pengalaman dan pembelajaran yang lebih ilmiah, yang sebenarnya pengalaman kehidupan itu juga menarik dan meletakkan alumni UPM itu sayang kepada kampus hijau ini. Namun, dengan kekangan kewangan dan kelemahan yang ada, perkara ini dilihat sukar untuk dicapai, namun Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah membangunkan kerangka dan strategi yang jelas untuk memberikan pembelajaran termasuk proses pembelajaran serta kehidupan terbaik kepada semua pelajar.


Pada masa yang sama, definisi pelajar juga memerlukan penafsiran yang lebih luas. Pelajar dalam konteks ini bukan



lagi pelajar yang berada di dalam kampus sahaja, atau pelajar itu bukan sahaja pelajar pasca-SPM atau STPM. Pelajar itu adalah keseluruhan umat yang ada dalam dunia ini. Menerusi pemahaman tentang definisi pelajar yang dimaksudkan ini, akan berhasil dikembangkan supaya jelas difahami. Justeru, peluang-peluang yang ada itu perlu merentas dunia, perlu merentas jenis-jenis manusia, daripada *skill set* kepada profesional, kepada pemimpin dan kepada pihak-pihak yang mempunyai peranan pelbagai dalam dunia ini.



Teras kelima adalah berkaitan Pemerksaan Industri. Dalam konteks ini, hasil yang diharapkan ialah UPM dilihat sebagai rakan kongsi yang penting kepada pihak industri dan berperanan penting dalam membantu memperkasakan industri. UPM bukan sahaja perlu berkolaborasi dengan pihak industri tetapi lebih menumpukan usaha untuk menghasilkan penyelidikan yang relevan dan berimpak tinggi yang dapat memenuhi keperluan dan jangkaan semasa pihak industri.



PEMERKASAAN INDUSTRI

TERAS

5

HASIL:

- UPM DILIHAT SEBAGAI RAKAN KONGSI YANG PENTING BAGI INDUSTRI
- PERANAN UPM UNTUK MEMPERKASAKAN INDUSTRI
 - BUKAN SAHAJA SEKADAR KOLABORASI
- AKAN MENCERMINKAN UPM SEBAGAI:
 - PENYELIDIKAN RELEVAN DAN BERIMPAK TINGGI
 - PERANAN PEMBANGUNAN KAPASITI YANG CEMERLANG

Hasil penyelidikan yang berimpak tinggi ini sudah pasti akan menjadi rebutan pihak industri untuk diterjemahkan dalam bentuk penyelesaian yang memberi makna kepada masyarakat. Hal ini sekali gus dapat menyumbang kepada pemerksaan industri pada masa hadapan. Universiti juga harus berperanan cemerlang dalam pembangunan kapasiti menerusi keupayaan dan kebolehan UPM



TERAS

6

KESOHORAN PERINGKAT GLOBAL


HASIL :

- UPM MENJADI UNIVERSITI BEREPUTASI ANTARABANGSA YANG MENARIK PELAJAR DAN JARINGAN DARI SELURUH PELUSUK DUNIA
- UPM MENJADI KAMPUS GLOBAL YANG DIPERKASAKAN MELALUI KOMUNITI ANTARABANGSA



menghasilkan sesuatu yang bermakna melalui penerokaan ilmu yang sangat dinanti-nantikan oleh pihak industri bagi menangani pelbagai isu dan masalah dalam kehidupan yang sentiasa wujud.

Teras keenam dan yang terakhir adalah Kesohoran Peringkat Global. Sejalan dengan visi UPM iaitu Menjadi Universiti Bereputasi Antarabangsa, UPM harus meletakkan tanda aras yang lebih tinggi yang dapat menarik pelajar dan jaringan kolaborasi dari seluruh pelusuk dunia yang melangkaui semua pihak dalam dunia global dari pelbagai negara, lokaliti dan jua status ekonomi.



APA PERANAN KITA?

TRUE NORTH




Pada masa yang sama, sebagai universiti yang bersifat global juga, UPM perlu memastikan bahawa komuniti di dalam kampus global diperkasakan melalui komuniti antarabangsa. Proses asimilasi bersama komuniti antarabangsa ini membolehkan pelajar dan staf bergaul dan menghormati antara satu sama lain yang membolehkan budaya akan berintegrasi. Cantuman dan integrasi ini perlu untuk lebih mematangkan dan menjadikan warga kampus lebih memahami dan menghormati agama, budaya, sejarah dan nilai untuk terus bekerjasama sebagai satu pasukan. Sekiranya, ini diterjemah oleh warga UPM, akan mewujudkan satu keluarga besar yang sentiasa menyantuni komuniti antarabangsa bagi menjadikan UPM sentiasa dekat di hati dan bertakhta di sanubari.

Seterusnya adalah Peranan Kita. YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor meletakkan semua peringkat mempunyai peranan masing-masing. Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pastinya berperanan menjadi pemudah cara, membuka peluang semak dan seimbang dalam pendekatan strategik UPM. Oleh itu, pihak LPU dan warga universiti perlu berganding bahu untuk memberikan yang terbaik. UPM bersyukur kerana mempunyai LPU yang memahami dan perkara ini juga telah dibentangkan dalam mesyuarat bersama LPU.

Pada peringkat pengurusan tertinggi, sepertimana yang telah dinyatakan, YBhg Dato' Naib Canselor meminta agar semua perancangan strategik dilaksanakan di semua peringkat Ahli Pengurusan Tertinggi UPM. Semua Timbalan-timbalan Naib Canselor juga telah membangunkan kerangka di peringkat masing-masing, termasuklah Pendaftar dan Bursar UPM. Hal ini adalah penting, kerana di peringkat inilah pendekatan strategik UPM ini diturunkan kepada *the middle managers* iaitu ketua-ketua jabatan. Pendekatan strategik UPM ini yang akan dimulakan pada tahun ini dengan memastikan perancangan strategik dan taktikal di setiap pusat tanggungjawab dilaksanakan.

Dalam konteks ini, pihak universiti telah mula melaksanakan perancangan strategik dan taktikal di setiap PTJ. Perancangan

strategik ini akan diturunkan dalam bentuk sasaran kerja tahunan (SKT). Kesemua perkara ini akan diterangkan lebih lanjut bersama dengan ketua-ketua jabatan. YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor menjelaskan kepada warga UPM faham bahawa tahun ini, UPM akan melaksanakan SKT dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang bukan sahaja mengikut kepada aturan dan perencanaan yang dilakukan oleh Pelan Strategik UPM 2021-2025, tetapi perlu ada satu pendekatan yang dirancang oleh setiap Ketua PTJ bagi keperluan tahun 2024 untuk PTJ tersebut. Seterusnya, bagaimana pula untuk memastikan KPI ini tercapai? Pada masa yang sama, bagaimana ingin mendukung the *True North* UPM? Jadi, secara sepintas lalu, jika seorang staf itu memahaminya, maka akan lebih mudah untuk melaksanakannya dengan niat yang ikhlas bagi mencapai hasrat dan tujuannya.





Seperti kebiasaannya, pencapaian ini akan dilihat pada akhir tahun ini dan pihak universiti akan melaksanakan penilaian separuh penggal ataupun pertengahan tahun. Jadi, di sinilah penilaian dan penelitian semula kaedah dan peranan masing-masing diambil perhatian melalui kerangka strategik ini, dengan mengambil perhatian dan pertimbangan bahawa setiap individu mempunyai peranan masing-masing.

YAB Perdana Menteri dalam sesi beliau bersama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi pada awal tahun ini, telah mencabar universiti untuk pantas dan berkesan. Beliau menyatakan dengan jelas berkaitan tatakelola (*governance*) atau tadbir urus yang telus dan cekap. Perkara ini perlu difahami kerana ia menerangkan asas-asas yang perlu untuk pihak universiti mencapainya.

YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor UPM juga menyatakan bahawa pelbagai pendekatan yang sudah dilakukan di Universiti ini. Namun, UPM sebagai sebuah universiti yang lama, pasti mempunyai perkara-perkara yang tidak sempurna dan masih ada kekurangan yang perlu ditambah baik, dibaiki atau dinilai semula.

Oleh itu, pengenalpastian perkara-perkara krisis dan isu-isu yang perlu ditangani segera telah diperolehi. Ada yang berjaya ditangani dalam sehari, ada juga yang masih dalam proses tetapi yang paling utama ialah semua pihak hendaklah mengetahui wujudnya krisis.

Adakalanya sesebuah institusi tidak menyedari bahawa mereka berada dalam satu situasi yang amat tenat. Di sinilah terletaknya kepentingan asas mengenai data dan kebijakan (*data and intelligence*). Data dan kebijakan memainkan peranan penting untuk membantu kita mengetahui sama ada ia bermasalah dan berada dalam krisis. Oleh sebab itu, pihak yang dipertanggungjawabkan perlu mampu untuk menjangka sebelum krisis bermula dan di sinilah data dan kebijakan memainkan peranan untuk penyelesaian krisis dan isu yang perlu diselesaikan segera.

UPM juga perlu melihat asas yang mempunyai kelemahan yang perlu diperbaiki segera. Hal ini kerana jika perkara tersebut tidak dapat diperbaiki, semua pihak akan sentiasa diheret, dan akan sentiasa berada dalam pasak yang tidak stabil. Sesuatu



yang lebih mengusarkan jika ini merupakan punca masalah sebenar semua kecacatan yang ada di universiti yang tidak disedari.

Oleh itu, sebagai pengurusan tertinggi, kelemahan inilah yang perlu dikenal pasti. Maklum balas daripada semua warga UPM, pelajar, dan pemegang taruh adalah penting bagi membekalkan maklumat yang sangat diperlukan. Inilah tujuannya diwujudkan sistem aduan dan kita tidak boleh menyembunyikan kenyataan dengan sentiasa menafikan dan meniadakan kewujudan masalah.



Kita sebagai pemimpin perlu bijaksana dalam menggunakan data dan kebijakan yang ada untuk mengenal pasti mengapa masalah berlaku serta kaedah penyelesaiannya. Ini sangat penting untuk bergerak ke arah pencapaian enam tonggak dan lima asas yang menjadi *True North* UPM.

Jika tidak, bukan sahaja kita tidak dapat melonjak ke hadapan, kekal dalam lonjakan juga akan menjadi sukar. Ini kerana perjalanan kita ini tidak boleh hanya pada satu tahap, hanya pada satu langkah. Kita perlu sederap mengatur langkah, hemah dan pintar menganalisis *S-Curve* yang pelbagai. Sekiranya masalah asas tidak diselesaikan, kita mungkin berjaya tahun ini tetapi tahun depan kita diheret dan merudum kembali. Jadi, inilah pendekatan yang cuba kita bawa dan dengan sokongan semua, kita telah berjaya menyelesaikan masalah-masalah asas yang kita hadapi.

Walaupun banyak tumpuan telah dilakukan terhadap perkara-perkara asas, namun peluang yang ada tidak boleh diketepikan. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh bawahan YBhg. Dato' Naib Canselor bahawa salah satu perkara penting yang perlu UPM gerakkan adalah menjadi peneraju terhadap agenda keterjaminan makanan negara.

Alhamdulillah dengan sokongan semua, UPM telah berjaya melakukan beberapa bengkel mulai Oktober 2023 sehinggalah sekarang dan kini sudah bersedia untuk mengeluarkan satu *blueprint* UPM untuk keterjaminan makanan. Terima kasih diucapkan kepada semua yang telah menjayakan usaha ini terutama kepada hampir 60 pakar yang berkampung beberapa kali untuk tujuan ini. Apresiasi dan ucapan terima kasih kepada sukarelawan yang sekarang ini sibuk untuk menterjemahkan *blueprint* ini kepada dokumen-dokumen yang boleh dikongsi kepada





seluruh masyarakat supaya semua pihak dapat memahami akan peranan UPM dan warganya dalam ekosistem keterjaminan makanan.

Pada tahun 2024 ini, UPM akan memfokus kepada perkara-perkara lain yang merupakan kekuatan dan DNA UPM iaitu isu pertanian dan perhutanan. Pada masa yang sama, Universiti tidak boleh lari daripada tanggungjawab sosialnya dan universiti kita adalah universiti yang dikenali sebagai Universiti Hijau. Segala usaha ini akan digerakkan menerusi kaedah yang berbeza-beza iaitu kaedah *bottom-up*, dengan memaksimumkan keseluruhan warga untuk memberi idea,

pandangan dan tenaga untuk isu-isu seperti ESG yang sekarang ini begitu hebat dibincangkan dalam industri.

UPM tidak boleh ketinggalan dalam hal ini dan perlu sentiasa cakna dengan isu-isu yang sentiasa menuntut penyelesaian. Justeru, di dalam dewan ini juga pasti ada pakar-pakar yang mampu menyumbang dalam bidang ini. Satu lagi perkara yang akan diberikan perhatian ialah *planetary health* kerana DNA UPM memang berperanan penting dalam isu *planetary health*.

Pada masa yang sama, UPM perlu menggerakkan inisiatif kampus pintar. Namun, usaha ini bukan sesuatu yang baharu tetapi telah beberapa kali digerakkan. Segala hambatan yang kekangan akan cuba diatasi di samping sentiasa meneliti dan melakukan semak imbang dengan belajar daripada kesilapan yang lampau untuk bergerak dengan lebih nyata selepas ini. YAB Perdana Menteri telah pun melancarkan 'Al untuk Rakyat' di dewan ini. Kita amat bertuah kerana dipilih menjadi tuan rumah. Mari kita tunjukkan bahawa tuan rumah ini ialah tuan rumah yang betul-betul melaksanakan kampus pintar dalam konteks keperluan semasa sejajar dengan tuntutan dan keperluan masa ini.

Pada masa yang sama, kita sentiasa memerlukan dukungan untuk agenda strategik universiti kita. Banyak lagi peluang lain yang ada yang memerlukan keterlibatan pelbagai pihak dan warga UPM khususnya. Kita sentiasa membuka ruang dan peluang kepada semua dan tidak akan ada sesiapa yang boleh terasa tersisih. Ini adalah ekosistem kita. Mari kita bersama menggembelng tenaga untuk memastikan segala yang dihasratkan Allah permudahkan dan dikabulkan.

Krisis yang berlaku boleh membawa kepada kemajuan dan kecemerlangan. Dalam pada UPM bergerak ke arah *True North*, beberapa krisis pasti akan berlaku dan Ketua PTJ bertanggungjawab dalam menangani krisis yang berlaku. Semakin banyak krisis yang berlaku bermakna semakin banyak usaha yang perlu dilaksanakan untuk menangani pelbagai krisis yang dihadapi. Walau bagaimanapun, krisis yang banyak juga mungkin memberi petanda bahawa terdapat perkara yang tidak betul yang perlu diperbaiki dan ditambah baik sama ada sistem, prosedur, sumber manusia atau persekitaran kerja yang ada.

Sehubungan iu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua PTJ untuk mempunyai maklumat dan memahami punca krisis yang berlaku agar perancangan tindakan pembetulan yang tepat, bijak dan berkesan dapat diambil tindakan untuk menangani krisis yang berlaku. Kadangkala ada tindakan dibuat secara tergesa-gesa dan cepat tetapi tindakan berkenaan salah dan tidak dapat menangani krisis yang berlaku, malah menjadikan keadaan bertambah buruk. Sehubungan itu, tindakan pembetulan yang tepat, bijak dan berkesan adalah sangat penting untuk memastikan krisis dapat ditangani dengan cekap dan pantas.



Pengalaman adalah sangat penting dan staf sangat digalakkan untuk sentiasa terbuka menyahut cabaran untuk memegang jawatan pentadbiran kerana tanpa pengalaman memegang jawatan pentadbiran, kefahaman mengenai cabaran untuk menangani krisis berada pada tahap minimum. Pengajaran dan pembelajaran melalui pengalaman adalah perkara yang sangat bernilai dan ia dapat digunakan bagi tujuan penambahbaikan dan pembetulan. Ini dapat dilakukan misalnya dengan memantapkan prosedur sedia ada, memantapkan kompetensi dan menambah baik mana-mama



DARI KRISIS KEPADA KEMAJUAN DAN KECEMERLANGAN




perkara yang lemah dalam ekosistem yang tersedia. Selain itu, pengalaman juga boleh membantu untuk membuat tindakan pembetulan yang lebih bijak, tepat dan lestari dalam usaha menambah baik prosedur sedia ada.

Sekiranya, segala krisis tidak diambil tahu, tidak cakna terhadap krisis yang berlaku atau tidak berusaha untuk menangani krisis tersebut, sebenarnya ia merupakan suatu kegagalan untuk menjadi pekerja dan pemimpin yang baik. Selain tu, seseorang pekerja atau setiap warga UPM perlu memastikan dan mengelakkan daripada menjadi punca atau penyebab kepada sesuatu krisis dalam sesebuah organisasi. Sekiranya semua daripada kita memiliki iltizam yang sama ke arah tersebut, matlamat kepada penyelesaian krisis dapat dibendung.



KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN



Dalam usaha mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan tindakan, kepantasan dan ketangkasan adalah perkara yang sangat kritikal dan terdapat dua perkara yang sangat penting iaitu:

1

Tadbir urus (*enabling governance*);

2


Kita sebagai individu di sebalik proses

Sehubungan itu, warga UPM perlu mempunyai sifat pemudah cara. Apabila semua pihak dapat memudah cara, segala niat ikhlas akan dapat diterjemahkan. Walaupun setiap hari pelbagai tekanan kerja seharian dialami, namun dengan niat


ikhlas yang tersemat dalam sanubari setiap warga UPM, ia mampu untuk memudah cara dan itulah yang dinamakan "Berilmu Berbakti". Sifat memudah cara akan menghasilkan perkhidmatan melangkaui jangkaan, lebih pantas dan tangkas. Berdasarkan kajian, kebanyakan kelengahan yang berlaku dalam perkhidmatan disebabkan oleh ketiadaan pemudah cara sama ada daripada manusia atau sistem tadbir urus kita sendiri.

Kadangkala sistem tadbir urus yang diguna pakai di UPM pada ketika ini, sebenarnya telah digubal 30 tahun yang lalu dan situasi ketika itu tentu sahaja berbeza berbanding pada

masa ini. Justeru, penilaian semula sistem berkenaan wajar dilakukan untuk tujuan penambahbaikan terhadap sistem berkenaan. Tanpa penilaian semula kepada sistem sedia ada, ia tidak akan dapat mencapai hasil yang sepatutnya bahkan turut diganggu dengan nilai-nilai yang negatif. Sehubungan itu, kita perlu faham perkara asas yang ada dalam kerangka strategik kita dengan mengambil kira semua perkara yang telah dinyatakan..



TINDAKAN YANG DIAMBIL UNTUK MENINGKATKAN “TADBIR URUS YANG EFEKTIF DAN MEMUDAH CARA”



1. MENAMBAH BAIK TADBIR URUS LPU	MULA/BERTERUSAN
2. MENINGKATKAN KECEKAPAN JPU	MULA/BERTERUSAN
3. MENYELARAS PELANTIKAN	SEDANG BERJALAN
4. MENINGKATKAN TADBIR URUS KEWANGAN <ul style="list-style-type: none"> • PEROLEHAN • BAJET/ PERBELANJAAN 	MULA/BERTERUSAN
5. TATA KELOLA BERKAITAN BAKAT <ul style="list-style-type: none"> • PELANTIKAN • PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN • KENAIKAN PANGKAT 	MULA/BERTERUSAN
6. HAL LAIN YANG MUNGKIN BOLEH DIPERTINGKATKAN	

Alhamdulillah, UPM telah mula bergerak untuk memperketat dan memperkasakan serta menambah baik tadbir urus di Universiti. Perkara ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada Pengerusi dan Lembaga Pengarah Universiti.

Dalam beberapa keadaan mereka yang tertinggi dalam organisasi juga boleh menjadi penghalang kemajuan dan kepastian yang ingin dicapai. Sebagai pihak eksekutif di universiti dan pihak LPU banyak terlibat meluluskan perkara-perkara dalam universiti. Kemudian akan diturunkan di peringkat JPU dan syukur kerana JPU di UPM berjalan dengan begitu baik. Walaupun demikian, adakalanya proses yang sepatutnya dapat dipercepat terpaksa mengambil masa yang

panjang atau lewat dilaksanakan. Hal ini dikenal pasti kerana adakalanya perkara yang dimasukkan ke dalam JPU tidak perlu dimasukkan. Dalam konteks ini, penelitian dan pertimbangan wajar perlu diperhalusi untuk memahami antara perkara operasi dengan strategik, perlu juga diimbangi supaya tadbir urus yang cekap, cepat dan telus dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Selain itu, UPM tidak mahu jawatankuasa tertinggi universiti hanya melibatkan perkara operasi, kerana dengan operasi, ia tidak mempunyai masa untuk berfikir. Oleh sebab itu, YBhg. Dato' menyarankan dan menggalakkan semua ketua PTJ untuk menggunakan hari Jumaat, hari yang penuh barakah sebagai hari refleksi (*reflection day*). Sedaya yang mungkin,

mesyuarat-mesyuarat operasi dilaksanakan pada hari tersebut perlu dielakkan. Sekiranya, perkara ini tidak dapat dilakukan pada setiap minggu disebabkan faktor-faktor tertentu, mungkin dua minggu sekali legakanlah staf daripada bebanan rutin yang kadangkalanya akan membataskan ruang fikir yang tidak mengembangkan minda. Rancanglah dengan baik dan manfaatkanlah masa dengan berkualiti kerana setiap masa ada tuntutan tertentu yang mesti dipenuhi.

Keputusan pertama yang dilakukan di universiti ini adalah dengan menyelaraskan pelantikan jawatan pentadbiran. Hal ini kerana didapati bahawa tempoh pelantikan bagi setiap ketua PTJ agak berbeza-beza. Alhamdulillah, fasa pertama

perkara ini telah dilaksanakan dan perkara yang sama akan diselaraskan bagi jawatan-jawatan yang lain. Semua usaha ini bertujuan untuk memastikan bahawa UPM mempunyai pasukan sebagaimana yang diharapkan bagi memikul amanah untuk menggemilangkan menara ilmu pada tahap yang selayaknya.

Bagi maksud ini, ada tiga perkara penting yang ingin dilihat pada tahun ini iaitu pelantikan ketua-ketua jabatan dan pelantikan staf. Hal berkaitan penilaian prestasi tahunan yang banyak diterima, kaedah penilaian, kaedah pemberian markah dan sebagainya. Semua perkara yang dibangkitkan ini akan dinilai termasuk berkaitan dengan kenaikan pangkat. Pensejajaran

KEUTUHAN KEWANGAN

TANPA SOKONGAN KEWANGAN, PERKARA BERKAITAN KEWANGAN TIDAK MAMPU DICAPAI

KELESTARIAN SUMBER

BUKAN UNTUK Mencari DUIT SAHAJA, MESTI MELIPUTI DIMENSI BERIKUT

1. KEUTUHAN TADBIR URUS KEWANGAN
2. PERANCANGAN KEWANGAN YANG EFEKTIF
3. STRATEGI PENJANAAN HASIL YANG EFEKTIF
 - WAKAF DAN ENDOWMEN
4. PENGURUSAN ALIR TUNAI YANG BIJAK
5. STRATEGI PELABURAN BIJAK
6. GALAKAN SIMPANAN
7. PENGOPTIMUMAN KOS



Untuk Universiti yang Berprestasi
 Sumber Keperluan dan Capital
 Inovasi dan Tindakan yang Berorientasikan
 Ilmu dan Kajian
 Berkesan dan Berprestasi





kenaikan pangkat perlu mengambil pertimbangan terhadap perkara yang dihajati daripada staf. Dalam konteks ini secara peribadi YBhg. Dato' Prof Naib Cencelor mempercayai bahawa *one size doesn't fit all*. Oleh itu, usaha secara kolektif perlu dilakukan melalui penelitian kaedah yang boleh disesuaikan bagi memastikan semua pihak mempunyai peluang yang sama. Namun, ini bukan satu perkara yang mudah tetapi jika ia dirancang dengan sebaiknya melalui interaksi dengan semua pihak berkaitan, ia mampu diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan. Perkara ini akan cuba diselesaikan sekiranya diizinkan Allah pada tahun ini, insya-Allah.

Seterusnya, selain daripada aspek tadbir urus, aspek keutuhan kewangan juga perlu diberikan perhatian. Tanpa sokongan kewangan yang kukuh, pelbagai perkara berkaitan kewangan tidak mampu dicapai. UPM mempunyai satu pendekatan kewangan yang agak unik yang telah berjaya.

Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk mengukuhkan kewangan universiti, terdapat beberapa dimensi yang perlu diberikan fokus selain daripada untuk mendapatkan sumber

kewangan. Antaranya adalah keutuhan tadbir urus kewangan, perancangan kewangan yang efektif, strategi penjana hasil yang efektif seperti wakaf dan endowmen.

Selain itu, pengurusan aliran tunai yang bijak dan strategi pelaburan yang baik juga merupakan antara dimensi keutuhan kewangan yang perlu diberikan perhatian. UPM juga perlu menggalakkan penjimatan kerana ia dapat membantu aliran tunai. Mulai tahun ini, semua ketua PTJ diminta untuk membuat perancangan kewangan PTJ masing-masing.


Akhir sekali, pengoptimuman kos juga merupakan satu dimensi yang penting. Dalam hal ini, semua pihak perlu memahami apakah yang dimaksudkan dengan *must have*, *good to have* dan *not needed*. Semua pihak juga perlu memahami sesuatu tradisi yang menjadi amalan di UPM tidak semestinya perlu diteruskan terutamanya jika tradisi tersebut melibatkan kos yang tinggi. Justeru, perubahan dengan keluar daripada kelaziman sebagai suatu langkah yang berani. Hal ini demikian kerana perkara yang perlu menjadi keutamaan pada masa ini adalah hasil yang dicapai.

Seterusnya, inisiatif yang perlu dilaksanakan adalah dengan mendapatkan yang terbaik daripada kumpulan bakat UPM. Bakat perlu diberikan perhatian kerana terdapat banyak perkara yang penting yang perlu difahami. Hal ini kerana tanpa bakat, tiada apa-apa yang boleh dicapai oleh warga UPM. Namun, sekiranya mempunyai bilangan yang banyak tetapi tidak bersatu, ia menggambarkan bahawa UPM tidak mempunyai bakat. Semua warga UPM perlu menjadi sebuah pasukan yang efektif. Perkara ini melibatkan semua kumpulan bakat yang ada termasuklah staf, pelajar, alumni dan pesara.



MENDAPATKAN YANG TERBAIK DARIPADA KUMPULAN BAKAT UPM

1. TANPA BAKAT, TIADA APA YANG BOLEH DICAPAI OLEH WARGA UPM
2. TIDAK BERSATU MEMAPARKAN UPM TIDAK MEMPUNYAI BAKAT
3. KITA PERLU MENJADI SEBUAH PASUKAN YANG EFEKTIF



KUMPULAN BAKAT:

1. STAF

- PENGURUSAN DAN KETUA PTJ
- AKADEMIK
- BUKAN AKADEMIK
- PELAKSANA

2. PELAJAR

- PRASISWAZAH
- PASCASISWAZAH
- LAIN-LAIN KATEGORI

3. ALUMNI (KEKUATAN KITA)

4. PESARA

- #### 5.
- AHLI LPU
 - KOMUNITI
 - INDUSTRI
 - ORANG AWAM

NILAI KETERANGKUMAN DASAR INKLUSIF

- SEMUA PATUT MEMPUNYAI PELUANG YANG SAMA (*EQUAL OPPORTUNITIES*)
- CONTOH : OKU, B40, *SECOND CHANCE*

UPM mempunyai Persatuan Pesara yang amat menarik dan istimewa kerana mereka sentiasa ingin memberikan perkhidmatan sehingga setelah bersara. Oleh sebab itulah UPM amat menghargai Persatuan Pesara UPM yang sentiasa menyatakan minat dan kerelaan untuk meneruskan khidmat bakti kepada Universiti. UPM telah berbincang dan akan menjalankan kerjasama dengan Persatuan Pesara bagi membolehkan para pesara yang mempunyai ilmu dan kemahiran yang khusus terus menabur bakti di universiti ini. UPM yang daripada asas sejarahnya merupakan Universiti Pertanian yang memiliki banyak set kemahiran yang hanya ada di UPM. Melalui inisiatif yang dijalankan bersama Persatuan Pesara, warga UPM masih boleh menyumbangkan kemahiran, ilmu dan hikmah mereka walaupun telah bersara. Antara projek bersama pesara yang akan dibangunkan adalah kearifan tempatan dalam UPM. Bagi menjayakan



projek ini, kerjasama daripada Persatuan Pesara amatlah diperlukan. Selain itu, kita juga memiliki ahli LPU, komuniti, industri dan orang awam yang mempunyai bakat dan kemahiran yang boleh dimanfaatkan oleh universiti bagi memastikan pembudayaan moto “Berilmu Berbakti” dapat dihayati dan diterjemahkan secara bersama.

Seterusnya YBhg. Dato’ Profesor Naib Canselor menyatakan berkenaan moto UPM “Berilmu Berbakti dan perlu difahami oleh seluruh warga UPM. Berilmu bermaksud perlu lebih kompeten dan perlu mencari ilmu. Ilmu bukanlah hasil pencarian akan tetapi hasil penghayatan dan akhirnya menjadikan hasil tersebut sebagai pelaksanaan. Pelaksanaan dilakukan untuk berbakti. Perkara ini telah dinyatakan kepada semua pelajar UPM dan kepada semua pihak untuk bersama-sama memahami moto “Berilmu Berbakti” dan perlu dihayati dan bukan sekadar moto yang hanya diungkapkan tetapi tidak dapat dizahirkan melalui tindakan yang memberi impak kepada dunia.



Turut disentuh beberapa strategi bakat yang telah dikenal pasti untuk tahun ini. Pertamanya iaitu “Berilmu Berbakti”. Melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), YBhg. Dato’ Profesor Naib Canselor akan memastikan moto UPM “Berilmu Berbakti” difahami oleh pelajar. Ini kerana pelajar prasiswazah hanya mempunyai tempoh masa empat tahun manakala pelajar pascasiswazah kurang daripada itu. Namun peluang yang ada untuk menimba ilmu itu sangat luas, baik dari segi ilmu yang diperoleh di dewan-dewan kuliah, dan pembelajaran secara langsung mahupun yang diperoleh daripada pengalaman. YBhg. Dato’ Profesor Naib Canselor juga menggalakkan pelajar agar menggunakan kedua-dua mekanisme iaitu *best learning dan living experience*. Hal ini kerana dengan kedua-duanya dapat memberi ilmu, memberi pengalaman dan pada masa yang sama mampu untuk berbakti. Secara tidak langsung, penerapan nilai akan berlaku sekiranya berilmu.

...pembudayaan moto
“**Berilmu Berbakti**” dapat
dihayati dan diterjemahkan
secara bersama



BAKAT@UPM

TERAS

1. SUKARELA
2. BERSAMA MEMBANTU UPM
3. BERIMPAK TINGGI MELALUI PENCAPAIAN HASIL
➤ EXPERIENTIAL LEARNING
4. BERTUNJANGKAN NILAI & KETERANGKUMAN

KAEDAH



- PEMIMPIN MASA HADAPAN
- BOLEH MEMBERI KELEBIHAN KEPADA KENAIKAN PANGKAT PADA MASA HADAPAN
- MEMBENTUK KUMPULAN BAKAT DENGAN KEPELBAGAIAN BAKAT

1. Memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk memperoleh pengalaman dan menyumbang kepada UPM.
2. UPM dapat membentuk kumpulan bakat dengan kepelbagaian bakat untuk pimpinan pada masa hadapan.
3. Kita bekerja di luar kotak dan di luar zon penyelesaian kerja.

Dengan cara ini, insya-Allah tiada masalah yang bakal dihadapi untuk tujuan untuk menjalankan dan mempercepatkan tugas yang diamanah mengikut skala jadual yang ditetapkan. Hal ini disebabkan sistem sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak dengan menyemarakkan budaya kesukarelawanan dapat dipraktikkan. Segala yang dilakukan itu bukan untuk kepentingan diri sendiri tetapi demi UPM, menara ilmu yang



banyak berjasa kepada kita semua. Itu antara dua perkara yang ingin diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun ini. YBhg. Dato' Naib Cencelor berharap agar ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua. Semoga Allah memberikan jalan kemudahan untuk merealisasikan segala yang telah dirancang.

SISTEM JoHAN (JOB HUNTING AND NETWORKING)



SISTEM JoHAN (JOB HUNTING AND NETWORKING) BERTUJUAN UNTUK:

- MEMBANGUNKAN MODAL INSAN HOLISTIK DENGAN NILAI TAMBAH,
- MENINGKATKAN KEMAHIRAN,
- MELUASKAN JARINGAN PERHUBUNGAN DENGAN INDUSTRI,
- MEMBENTUK PERSONALITI PELAJAR; DAN
- MENYOKONG KEPADA INISIATIF MENINGKATKAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN.

JoHAN@UPM (*Job Hunting and Networking*) ini adalah satu usaha untuk membantu pelajar UPM belajar berdikari. Dalam konteks ini YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor sentiasa mengambil pendekatan dan konsep untuk tidak menggalakkan pemberian ikan kepada masyarakat atau dalam konteks pelajar yang hanya menunggu untuk diberikan ganjaran semata-mata, tetapi mereka perlu belajar berdikari, menggunakan segala potensi yang dimiliki untuk memperoleh sesuatu yang dihasrat. Sistem JoHAN@UPM ini adalah satu sistem yang menggabungkan keperluan pekerjaan dengan peluang untuk bekerja. Contohnya keperluan staf UPM dalam hal akademik seperti penyelidikan, membantu cerapan atau analisis yang boleh ditawarkan kepada pelajar di samping mencari pendapatan lebih untuk keperluan sendiri malah menambah pengalaman bekerja. JoHAN@UPM ini merupakan platform yang terbaik dalam memberikan peluang kepada pelajar UPM dan akan diterangkan

kepada pelajar UPM oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) pada masa akan datang. Antara tujuan sistem JoHAN@UPM adalah untuk membangunkan modal insan holistik dengan nilai tambah, meningkatkan kemahiran, meluaskan jaringan perhubungan dengan industri dan membentuk personaliti pelajar serta menyokong kepada inisiatif meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Rumusan Perutusan Dato' Naib Canselor dan Amanat tahun 2024 memaparkan prakasa tentang inisiatif sama ada yang telah dirancang, ataupun telah dilaksanakan dalam tempoh 100 hari Pertama penghijrahan beliau ke UPM sebagai Naib Canselor dengan memberikan penekanan untuk memahami *True North UPM*. Selain itu, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor memperkenalkan pendekatan kerangka strategik bagi membantu semua warga UPM memahami peranan, kedudukan dan bagaimana dapat membantu UPM mencapai misi dan visi. Antara perkara kritikal pada tahun 2024 yang perlu diberi perhatian ialah kaedah penyelesaian krisis secara bersama yang perlu diselesaikan dengan segera bagi meningkatkan kualiti secara berterusan. Warga UPM perlu bijak dalam merebut



peluang tanpa hanya memberikan fokus kepada perkara asas semata-mata. Melalui cara ini mereka akan dapat mengembalikan diri dari kelemahan dan mengembalikan semula kegemilangan. Sebagai contohnya dari segi keterjaminan makanan atau pertanian merangkumi ESG, kesejahteraan sejagat dan kampus pintar. Mengambil kira isu-isu pendanaan, agenda untuk memperkasakan wakaf dan endowment merupakan langkah yang dilakukan bersama dengan pihak Bursar UPM. Ini sebagai suatu usaha untuk memberi sokongan kewangan kepada UPM di samping penglibatan daripada dua keluarga besar UPM iaitu, UPM Holdings dan Putra Business School sebagai entiti bersama UPM untuk

berganding memikul amanah mencemerlangkan kewibawaan UPM. Bakat untuk menyokong agenda sentiasa dekat di hati YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor dan beliau penuh yakin dengan bakat akan membantu UPM bergerak lebih maju. Ini secara jelas dirakamkan oleh beliau melalui ungkapan "Tanpa bakat yang efektif, tanpa bakat yang bersatu, kita akan runtuh." Selain itu, hala tuju yang jelas berpandukan *True North* perlu bersama-sama dibincangkan oleh warga UPM agar perancangan kerja lebih teratur. Komunikasi berkesan dan data kebijakan merupakan asas yang penting. Hal ini kerana tanpa komunikasi berkesan, hasrat tidak akan sampai, maklumat tidak dapat difahami dan tidak dapat diapresiasi oleh semua

pihak. Justeru, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor mengajak warga UPM untuk bersama-sama membangunkan budaya memahami data supaya dapat menyokong segala keputusan yang diputuskan bagi mengelakkan daripada keputusan yang mungkin tidak tepat atau membuta tuli yang akhirnya merugikan kita semua.

Sebagai penutup Perutusan 100 Hari Naib Canselor dan Amanat tahun 2024, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor memberikan pesanan untuk dibawa pulang kepada semua warga UPM supaya perlu keluar dari zon selesa untuk menghadapi ketidaktentuan masa hadapan. Hal ini demikian kerana kerana jika seseorang itu sentiasa berada pada zon selesa, sebenarnya ia akan mudah alpa. Justeru, beliau mengajak warga UPM supaya dapat bergerak ke hadapan

dengan lebih maju kerana kealpaan kadang kala merupakan penyebab kepada keruntuhan sebuah universiti. Selain itu, kecemerlangan masa hadapan memerlukan usaha bersepadu yang disusun secara strategik oleh sebuah pasukan yang mantap sekiranya semua pihak memahami peranan dan tugas masing-masing. Oleh itu, YBhg. Dato' Profesor Naib Canselor menyeru semua warga UPM untuk memberi yang terbaik mengikut kerangka strategik ini berteraskan moto "Berilmu Berbakti" dan memberi peringatan kepada warga UPM untuk tidak melakukan sebarang tindakan yang boleh meruntuhkan atau menjatuhkan nama baik UPM. Semoga Allah memberikan perlindungan dan petunjuk yang jelas bagi membolehkan segala yang dirancang untuk kecemerlangan UPM dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bersandarkan keizinan-Nya jua. Insya-Allah.

UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

TRUE NORTH

Visi dan Misi UPM

Pencapaian Hasil, Berpaksikan Nilai dan Inklusif

Perkhidmatan Mahasiswa yang Berkualiti (Perkembangan dan Pengajaran)	Pengkaji Relevan dan Berimpak Tinggi (Pengajaran dan Inovasi)	Pengkaji Komuniti (Dihargai Komuniti)	Pengkaji Penyelidikan dan Keunggulan Terbaik (Akademik)	Pemerintahan Industri	Kecohoran Peringkat Global
--	---	---------------------------------------	---	-----------------------	----------------------------

Bakal Kompetensi yang Memudahcara
Sumber Mampu/Kelebaran Sumber
Governan (Tata Kelola yang Memudahcara)
Data dan Kebijakan
Promosi dan Perjenamaan

- UPM PERLU KELUAR DARI ZON SELESA UNTUK MENGHADAPI KETIDAKTENTUAN MASA HADAPAN.**
- KECEMERLANGAN MASA HADAPAN MEMERLUKAN USAHA BERSEPADU YANG DISUSUN SECARA STRATEGIK OLEH SEBUAH PASUKAN YANG MANTAP.**
- MARILAH KITA MEMBERI YANG TERBAIK MENGIKUT KERANGKA STRATEGIK INI.**
- ELAK DARI TINDAKAN YANG BOLEH MEMBUATKAN UPM RUNTUH.**



UniPutraMalaysia



@uputramalaysia



uniputramalaysia



Putra TV



uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE